

**Jenis Akhbar** : Utusan Online  
**Tarikh** : 21/11/2018  
**Edisi / Muka surat** : [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my)  
**Tajuk** : **Angkasa Meterai Mou Bersama LHDN**



*ABDUL Fattah Abdullah (dua dari kanan) bersama Ketua Pengarah LHDN, Datuk Seri Sabin Samitah (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian persefahaman (MoU) hari ini. - UTUSAN ONLINE/ZAKI AMIRUDDIN  
21 November 2018 2:20 PM*

## **Angkasa Meterai Mou Bersama LHDN**

CYBERJAYA 21 Nov. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi meningkatkan kesedaran mengenai percukaian dalam kalangan koperasi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, menerusi kerjasama tersebut pihaknya akan bekerjasama dengan LHDN untuk mendaftar koperasi yang masih belum berbuat demikian supaya mereka dapat menguruskan cukai koperasi dengan lebih cekap.

“Sehingga kini sebanyak 3,584 daripada 14,094 koperasi di seluruh negara telah berdaftar dengan LHDN.

“Menerusi jalinan kerjasama ini kita menasarkankan untuk mendaftarkan lebih 5,000 koperasi dengan LHDN,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini. Yang hadir sama, Ketua Pengarah LHDN, Datuk Seri Sabin Samitah.

Menurut Abdul Fatah, antara bentuk program yang dirancang untuk dilaksanakan ialah seminar, bengkel dan program kesedaran pengurusan cukai. - UTUSAN ONLINE